

**7938**

**Warisan: [jurnal] Persatuan Sejarah Malaysia, cawangan  
Negeri Sembilan 23 (2000)**

## ADAT BERKADIM DALAM LUAK JEMPOL NEGERI SEMBILAN

Oleh: Rahimi N.S.

### Definisi

Berkadim adalah satu istilah yang sering dikaitkan dengan pengamalan Adat Perpatih di Negeri Sembilan. Berkadim adalah salah satu upacara adat dan mempunyai istiadatnya tersendiri. Berkadim ialah istilah yang berasal daripada perkataan 'kadim'. *Kamus Dewan* (1994:-557) memberi maksud 'kadim' sebagai kerabat, saudara yang dekat dan 'sekadim' pula, perkataan yang juga sering digunakan oleh masyarakat Negeri Sembilan, bermaksud keturunan yang dekat seperti adik beradik, saudara seayah (atau seibu).

Dalam Adat Perpatih, 'berkadim', menurut Khalid bin Bonget (1999:2) yang menggunakan istilah dialek Negeri Sembilan *berkodin* membawa pengertian "saudara atau bersaudara. Bersaudara dalam erti kata satu jalinan kekeluargaan atau ikatan yang berkelindan rapat dan erat berasaskan adat yang diuca (ucap) pakai sejak dahulu kala hingga kini dan akan datang". Selanjutnya Khalid menyatakan "pelakuan dalam Adat Berkodin adalah lebih kepada kiasan dan simbolik". Mohammad Idris bin Haji Abdullah (1962) pula memberikan pengertian yang ringkas iaitu "masuk kumpulan suku".

### Adat Berkadim Sebagai Aturan Adat Perpatih

Adat Perpatih mengharuskan setiap perbuatan yang dilakukan oleh pengamalinya mengikut lunas dan tatacara atau peraturan tertentu. Peraturan-peraturan ini mengungkapkan buah fikiran masyarakat adat tentang segala kejadian yang dialami dan dihayati bersama. Semuanya itu adalah merupakan intisari pemikiran yang jitu oleh manusia yang arif lagi bijaksana sebagai

pedoman dan tafsiran yang tersirat. Sebagai contoh kita fikirkan perbilangn:

Kera dihutan disusukan,  
Dagang lalu ditanakkan,  
Anak pulang kelaparan,  
Anak dipangku diletakkan.

Puisi rakyat Melayu di atas dilafazkan dalam bentuk ayat singkat. Dalamnya terkandung kiasan daripada unsur alam yang melibatkan haiwan, hutan, manusia, keluarga dan makanan. Jelasnya puisi ini menyatakan orang Melayu itu mempunyai 'budi bahasa' yang tinggi dan terpuji di samping keinginan merapatkan silaturahim atau menambah bilangan ahli kekeluargaan.

Kalau kita analisis: mana ibu yang tidak sayang kepada anak-anaknya. "Anak pulang kelaparan" hanya untuk sementara sahaja dan akan makan bersama dengan "dagang" yang singgah sebentar apabila makanan telah disediakan. Begitu juga "menyusukan kera di hutan" dagang diberikan sedikit keutamaan kerana telah terlalu lama dalam perjalanan dan tentunya berasa haus dan dahaga. Manakala anak yang disusukan memang tetap bersamanya setiap masa<sup>1</sup>.

Berdasarkan puisi ini jelas kepada kita bahawa manusia (ibu) Melayu itu merupakan orang yang berperikemanusiaan lagi mulia. Secara tidak langsung, penulis beranggapan bahawa ungkapan puisi di atas ada kaitannya dengan "Adat Berkadim" dan mungkin sebagai asas kepada timbulnya adat tersebut. Tujuan utama adat berkadim ini adalah untuk meramaikan ahli keluarga, seterusnya memeriahkan lagi kehidupan masyarakat setempat.

### **Tujuan Adat Berkadim**

'Kemasukan orang luar adat' ke dalam satu suku (suku yang dipilih) berpunca daripada pelbagai sebab. Antaranya ialah:

1. Manusia dengan sifatnya suka merantau tentu ingin bermukim di sesuatu tempat itu, ingin merasakan kewujudannya sebagai ahli masyarakat di tempat kediaman baharu. Justeru itu, dia mencari saudara angkat atau emak angkat (induk semang).

2. Ada keluarga yang tidak mempunyai anak atau hanya beranak lelaki sahaja. Keluarga sedemikian selalunya inginkan anak perempuan. Lantaran itu mereka mengambil anak angkat perempuan. Anak perempuan yang dijadikan anak angkat itu tidak pula dikira berketurunan apa atau daripada etnik mana (asalkan beragama Islam atau diIslamkan). Dengan demikian anak angkat perempuan itu boleh jadi daripada keturunan Cina, India atau keturunan lain.
3. Lelaki pengamal Adat Perpatih berkahwin dengan perempuan dari luar wilayah Adat Perpatih; misalnya dari Perak, Indonesia, Sarawak atau Sabah. Lelaki berkenaan mahukan anak-anaknya, khususnya anak perempuan, merapatkan tali kekeluargaan dengan saudara-maranya di kampung asal. Untuk mencapai tujuan ini perempuan 'luar Adat Perpatih' itu akan dikadimkan.
4. Adat berkadim berlaku juga antara suku-suku dalam Adat Perpatih. Contohnya seorang daripada suku Anak Acheh boleh masuk suku Tiga Batu. Tetapi orang berkenaan mesti terlebih dahulu 'dikeluarkan' daripada suku asalnya (Anak Acheh). Perlucutan keahlian suku ini perlu kerana selepas ia masuk suku baharu, dia tidak berhak lagi membuat apa-apa tuntutan ke atas suku asalnya (Anak Acheh). Haknya lupus.

### Jenis Adat Kadim

Adat berkadim<sup>2</sup> ini terbahagi kepada dua jenis.

1. Berkadim pinang sebatang.
2. Berkadim aur serumpun.

Kedua-dua jenis adat berkadim ini diguna pakai dalam semua luak lingkungan Adat Perpatih di Negeri Sembilan ini. Namun, terdapat sedikit perbezaan antara satu luak dengan luak yang lain. Walau bagaimanapun asas atau dasarnya sama. Adat berkata:

Masuk kandang kerbau menguak,  
Masuk kandang kambing membebek;  
Bumi sama dipijak,

Langit sama dijunjung;  
Bagaimana adat luak,  
Itulah yang dipakai.

Sah kata adat,  
Apabila bertanda dan terbukti  
Kerana pada adat:  
Menghilangkan nan buruk,  
Menimbulkan yang baik.  
Pertama, adat mensuang iaitu terjali,  
Kedua, adat tiang iaitu kebulatan;  
Ketiga, adat kitabullah iaitu hukum *al-Quran*.

### 1. Adat Berkadim Pinang Sebatang

Adat ini juga dikenali sebagai 'adat berkadim selayar atap dan sebilah lantai'. Adat ini sekadar 'masuk suku'. Orang yang dikadimkan hanya menumpang bersaudara dalam suku yang menjadi pilihannya. Majlis istiadatnya hanya buapak menjadi saksi.

Dalam majlis ini kendurinya hanya menyembelih seekor kambing dan menyediakan jumlah wang yang dinamakan 'duit adat' untuk dibahagikan kepada Buapak, Besar Waris, Tua Waris dan Ibu Soko. Mereka yang hadir dalam istiadat ini hanya ahli keluarga terdekat 'induk semang' sahaja.

### 2. Adat berkadim aur serumpun

Selain nama adat yang di atas, adat ini juga dikenali sebagai berkadim adat dan pusaka. Adat ini hanya dikhaskan untuk kaum perempuan sahaja. Berkadim aur serumpun ini melibatkan banyak pihak. Kendurinya juga kena 'mantai' lembu atau kerbau jantan. Upacara untuk kadim ini agak 'godang' sedikit daripada istiadat berkadim pinang sebatang. Yang terlibat kali ini ialah datuk lembaga, buapak, besar waris, tua waris dan ibu soko dalam perut yang berkenaan. Perlakuan dalam istiadat ini banyak yang bersifat tersirat atau simbolik. Perempuan yang masuk suku itu disebut sebagai 'tunas menumpang' atau 'tunas yang ditutkan'.

Sebelum hari yang ditentukan majlis istiadat itu, banyak persiapan yang perlu diadakan. Bermula dengan risikan pihak yang hendak 'masuk

suku' dengan bakal 'induk semang' atau ibu angkat sehingga majlis istiadat. Di samping persiapan, beberapa rundingan juga perlu diadakan.

### Laporan Adat Berkadim Aur Serumpun dalam Luak Jempol

Laporan berkenaan adat istiadat berkadim ini adalah berdasarkan upacara yang dijalankan di rumah Encik Ruspan bin Alian dan isterinya, Puan Normah binti Ahmad. Mereka tinggal di Kampung Kata, Luak (daerah) Jempol. Upacara tersebut diadakan pada 29 Mei 2000 bersamaan 26 Safar 1421H. Puan Normah daripada suku Tiga Batu pecahan Datuk Setia Raja. Istiadat berkadim di rumah Puan Normah ini agak luar biasa kerana yang berkadim bukan seorang tetapi tiga orang. Mereka ialah dua orang cucu perempuan dan seorang anak buah perempuan Puan Normah.

Puan Normah binti Ahmad (anak tunggal) tidak mempunyai anak perempuan. Beliau mempunyai dua orang cucu perempuan hasil perkahwinan anak sulungnya, Rajuni bin Ruspan yang beristerikan perempuan dari Pantai Remis, Perak). Manakala anak buahnya pula (sepupu sanak datuk) iaitu anak Abdul Rahim bin Jailani (sepupu Puan Normah) beribukan seorang perempuan dari Dumai, Indonesia. Justeru itu, cucu-cucu Puan Normah iaitu anak Rajuni dan anak buah Puan Normah tidak bersuku<sup>3</sup>. Ketiga-tiga mereka itu ialah Norhusna Najwa binti Rajuni, Norana Jira binti Rajuni dan Ruzana binti Abdul Rahim.

Pada Hari Raya Aidilfitri 1420 H yang lalu, Rajuni bin Ruspan dan Abdul Rahim bin Jailani telah mengadakan rundingan dan berhasrat supaya anak-anak perempuan mereka dimasukkan menjadi ahli suku ibu mereka iaitu suku Tiga Batu Setia Raja. Mereka bertindak demikian kerana isteri-isteri mereka ialah 'orang luar adat'. Rajuni bin Ruspan berkahwin dengan gadis dari Pantai Remis, Perak. Kini mereka menetap di pekan Batu Kikir. Abdul Rahim bin Jailani pula menikahi gadis dari Dumai, Indonesia dan kini menjadi peneroka di Felda Palong Empat.

Niat murni dan hajat mereka itu telah mendapat restu kedua-dua ibu mereka. Setelah mendapat perkenan itu, mereka mula membuat persiapan dan mengadakan keperluan-keperluan majlis adat berkadim.

Mereka dan ibu-ibu mereka pergi berjumpa buapak suku Tiga Batu iaitu Haji Ghafar bin Ijai. Buapak pula telah menjemput besar waris, waris

tua dan ibu soko dan mengadakan satu rundingan, sesuai dengan perbilangan:

Risik diandaikan,  
Kilat dibayangkan,  
Ada pula risik nan berdesus,  
Kilat nan memancar,  
Dusi nan merangkak,  
Gamit nan berkecapi;  
Hilang risik,  
Hilang desus;  
Lalu dibuat kata muafakat.

Maka ditengok lapang hukum,  
Dengan lapang adat:  
Hukum tak menghambat,  
Adat tak menghalang.

Dalam rundingan itu telah diberitahu tatacara istiadat berkadim, persiapan majlis kenduri dan peralatan istiadat yang perlu diadakan. Mereka mesti menjemput datuk lembaga suku Tiga Batu Setia Raja hadir di majlis tersebut. Kehadiran datuk lembaga bagi mengesahkan adat berkadim air serumpun itu bak kata perbilangan:

Muafakat lalu di dalam gelap,  
Adat lalu di tengah terang.  
Janji dibuat dimuliakan,  
Dalam janji digaduhkan,  
Sampai janji ditepati;  
Muafakat tak bertukar,  
Setiapun tak berubah.

Setelah beberapa kali melakukan permuafakatan dan kebulatan pula tercapai oleh semua pihak maka ketua-ketua adat suku Tiga Batu telah merestui permohonan untuk mengadakan adat berkadim itu. Antara keputusan yang dicapai ialah majlis akan diadakan di tanah/rumah pusaka Puan Normah bt. Ahmad. Pembiayaan sepenuhnya majlis kenduri akan ditanggung oleh Rajuni bin Ruspan dan Abdul Rahim b. Jailani. Mereka akan menyediakan:

1. Seekor kerbau/lembu jantan
2. Beras
3. Kelapa
4. Bahan-bahan masakan lain

Untuk majlis istiadat pula akan diadakan:

1. Duit adat
  - a. Datuk Lembaga - RM 20.00
  - b. Buapak - RM 28.00 (kerana ada dua rumpun)
  - c. Timbalan Buapak - RM 14.00
  - d. Besar Waris - RM 10.00
  - e. Ibu Soko - RM 20.00
2. Pantar besar yang mengandungi:
  - a. Kain putih sekabung (sekadar dua meter)
  - b. Semangkuk darah lembu/kerbau daripada sembelihan
3. Tepak sireh tembaga berkaki.

Rumah Puan Normah pula dihiasi khususnya bahagian hujung dengan:

1. Tabir langit
2. Tabir lingkungan
3. Talam pandak
4. Tikar rompok
5. Bantal godang
6. Kain sampaian (tanda kehadiran lembaga)

Manakala tiang tengah di dalam rumah pula dibalut dengan kain batik lepas dan dihiasi dengan bunga kertas. Perhiasan tempat istiadat itu atau (pakaian rumah) adalah mengikut perbilangan:

Sudah terdendeng rupanya tabir,  
 Sudah terbentang langit-langit,  
 Sudah tergantung kain sampaian,  
 Sudah beratur bantal godang,  
 Sudah tersedia tepak sireh,  
 Sudah terbentang tikar rompok,  
 Sudah bertimpuh tilam pandak.



"Bak kata adat,  
Hukum tak menghambat,  
Adat pula tak menghalang.

Teruskanlah datuk."

Buapak suku Tiga Batu akan meneruskan istiadat dengan berkata:

"Kok perahu bertambatan,  
Kok galas (beban) bersandaran,  
Kok dagang bertempatan,  
Kok jauh mencari suku,  
Yang dekat mencari kadim.

Kata orang-orang tua adat dahulu, adat berkadim aur serumpun ini disebut juga berkadim adat dan pusaka atau harta pusaka adat dan gelaran pusaka adat

Kok adat sudah beratur,  
Kok bilang sudah bertentu.

Sembah kepada datuk."

Datuk Lembaga suku Tiga Batu akan menjawab:

"Ambil wazab pada nabi,  
Ambil turasan pada nan tua,  
Oso sekata telah sepakat,  
lalu dibuat janji adat."

Kata-kata ini disambut oleh buapak dengan perbilangan:

"Kok langit sama dibentangkan,  
Kok ke bumi sama diserakkan,  
Kok darah sama merahnya,  
Kok daging sama beratnya,  
Kok tulang sama putihnya.

Hari ini seuri,  
Setemunilah kita,  
Seelakkan pusat,  
Sembilu pembahaginya.

Kebesaran sama diturunkan,  
 Pusaka sama digilirkan,  
 Anak buah berkadim ke waris,  
 Sampainya hari,  
 Pada hari yang bertuah ini."

Kata ini ditingkah datuk lembaga dengan perbilangn:

"Kata orang kata bercalon,  
 Kata buapak kata berhubung,  
 Kata lembaga kata hiasan,  
 Kata maalim<sup>4</sup> kata hakikat,  
 kata adat kata nan benar.

Tatkala kecil bernama muafakat,  
 Tatkala besar bernama adat;  
 Siraja adat kepada muafakat,  
 Adat bertanda,  
 Hukum bersaksi;  
 Bila sah kata adat,  
 Janggal tak boleh dipakai lagi.

Hadirin dan anak-anak buah sekalian,  
 kita mulakanlah adat berkadim ini. Insyallah."

Encik Ismail bin Abdullah, waris tua membuka pantar atau dulang tertutup yang disediakan dengan peralatan berkadim. Alat berkadim yang ada di dalam pantar itu ialah semangkuk darah sembelihan lembu/kerbau, kain putih sekabung dan duit adat. Encik Ismail meminta para hadirin untuk menyaksikan barang-barang adat itu, kemudian ia berkata:

"Istiadat berkadim hari ini ada tiga tunas menumpang diadakan serentak. Bak kata adat:

Sekali membuka pura,  
 Dua tiga hutang lang sai;  
 Sekali merangkuh dayung,  
 Dua tiga pulau terlangsung."

Beliau seterusnya akan memberi penerangan atau guna duit adat, darah dan kain sekabung yang ada di dalam pantar itu. Duit adat itu ialah

duit budi bicara yang dimestikan kerana mereka yang terlibat sebelum mengadakan istiadat ini terpaksa menggunakan duit sendiri. Kain putih sekabung pula adalah sebagai tanda rupa sambutan dengan keikhlasan hati yang menerima mereka berkadim. Adalah diharapkan yang dikadimkan itu akan putih hati di luar begitu juga di dalam. Darah semangkuk pula adalah untuk istiadat cecah darah<sup>5</sup>. Setiap orang ibu soko akan mengempilkan ibu jarinya dengan ibu jari yang dikadimkan ke dalam mangkuk berkenaan (perannya sama seperti cap jari) sebagai pengesahan yang mereka telah dikadimkan.

Setelah selesai perlakuan cecah darah, ibu soko dan yang dikadimkan terus bersalaman dengan datuk lembaga, buapak, besar waris, waris tua dan semua yang hadir.

Datuk Lembaga memberikan arahan supaya dikarang sepucuk surat mengesahkan adat-istiadat pada hari itu. Surat itu mestilah diturunkan tandatangan saksi-saksi dan kemudiannya dihantar ke terataknya untuk beliau tandatangan balas sebagai pengesahan serta dengan copnya sekali. Surat itu hendaklah dikirim atau dihantar ke Pejabat Tanah Kuala Pilah untuk disimpan dan direkodkan.

Kemudian dijemput pula maalim atau sesiapa jua seperti imam atau lebai membaca doa selamat sebelum jamuan makan atau hidangan disediakan. Dengan itu selesailah adat berkadim aur serumpun. Adat ini adalah satu perlakuan yang amat simbolik yang memaparkan tataatur susun lapis penjalinan tali kekeluargaan dengan ibu dan saudara yang menerima pengkadiman itu.

## NOTA

<sup>1</sup> Perbilangan ini selalu disalahertikan oleh mereka yang di luar lingkungan adat. Malah orang beradat sendiripun keliru dengan pengertian yang tersirat. Adakalanya perbilangan ini dijadikan ejekan oleh orang yang buta dan pekak adat. Keadaan yang sama berlaku ke atas perbilangan:

Biar mati anak,  
Jangan mati adat.

Pengertian 'adat' dalam konteks perbilangan di atas ialah undang-undang.

ters kereta- api sekarang.  
(Lihat Peta 1).

Tentera Jepun berpusat di Bahau iaitu di Pejabat Pos yang ada sekarang dan juga di Balai Polis (lama) Bahau. Di Kampung Sungai Lui, tentera Jepun telah melantik beberapa orang Melayu dan Cina sebagai *Jakedan Cho*. Tujuan penubuhan *Jakedan Cho* ini adalah untuk mendapatkan




Di kiri kanan jalan ini terletaknya 'pekan' Kg. Sungai Lui sebelum tragedi 1924. Sekarang kawasan ini ditanami getah

maklumat tentang kegiatan pengganas komunis di kawasan sekitar Sungai Lui. Pihak berkuasa Jepun telah mengetahui bahawa penduduk Cina di sini memberi sokongan tenaga dan moral serta membekal bahan makanan kepada pasukan Bintang Tiga yang beroperasi di kawasan itu.

Pada suatu hari, dalam tahun 1942, semasa orang Cina ramai berkumpul di kawasan di pekan Sungai Lui, datang Zakaria, seorang *Jakedan Cho* dari Kampung Sungai Lui ke pekan tersebut. Beliau keluar dengan memakai lilitan tangan (*arm-band*) merah putih iaitu lambang tentera Jepun. Dia telah ditangkap oleh orang Cina di pekan itu, dibawa ke hutan dan dibunuh.



Berita penangkapan Zakaria itu telah diketahui oleh abangnya, Malik. Dengan perasaan marah dan sedih, Malik berlari melalui hutan ke Kemayan dan menaiki kereta api ke Bahau. Di Bahau beliau telah melaporkan kejadian pembunuhan adiknya itu di markas tentera Jepun.

Pada keesokan harinya, kira-kira jam 10.00 pagi sepasukan tentera Jepun telah sampai di Kampung Lui dari Bahau. Orang ramai yang kebetulan berada di kawasan pekan itu dikumpulkan. Semua lelaki Cina, dengan tangan terikat ke belakang dikumpulkan di tengah jalan di antara dua deretan kedai. Kanak-kanak diletakkan di barisan hadapan dan lelaki dewasa di belakang. Semua perempuan Cina dikurung dalam salah sebuah kedai papan yang beratapkan lalang. Orang Melayu dikumpulkan di sebelah kanan jalan kereta api.



'Pakaian rumah' tempat adat istiadat diadakan. Yang berbentuk rumah (kanan) ialah 'bantal godang', tilam pandak (tempat Datuk Lembaga duduk) tepak sirih, tabir lingkungan dan kain sampaiian.

Buapak suku Tiga Batu, Haji Ghaffar bin Ijai (kanan) menerangkan peralatan yang disediakan (dalam dulang) kepada Datuk Lembaga Tiga Batu Setia Raja dan seterusnya meminta istiadat berkadim dijalankan.



Istiadat 'cecah darah'. Ibu jari ibu soko dirapatkan dengan ibu jari kanan perempuan yang dikadimkan dan dimasukkan ke dalam mangkuk berisi darah, satu perlakuan simbolik tanda bersaudara.